

Usim bangunkan panduan ibadah bagi mangsa banjir

MUSIBAH banjir yang menimpa negara sejak pertengahan Disember 2014 mencatatkan jumlah mangsa banjir yang tinggi termasuklah beberapa kes kehilangan nyawa dan kerosakan harta-benda serta banyak kemudahan awam.

Ia turut menjejaskan kehidupan harian mangsa banjir yang terputus bekalan api dan air dan perlu menetap di penempatan sementara dalam tempoh masa yang lama. Bagi umat Islam, banjir turut memberi kesan kepada amalan beribadat seharian.

Kerana itu lapan penyelidik daripada Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD) Universiti Sains Islam Malaysia (Usim), Nilai, Negeri Sembilan mengambil inisiatif melawat ke kawasan yang teruk dilanda banjir bagi mendapatkan maklumat mengenai isu berkenaan fiqh bencana banjir terutama berkaitan ibadat solat.

Ketua penyelidik, Dr Irwan Mohd Subri merangkap Pengarah INFAD berkata, setakat ini masih belum ada panduan khusus berkaitan fiqh banjir di negara ini.

"Penyelidikan ini adalah usaha awal dan perintis untuk mengetahui isu-isu fiqh dan akidah yang berlaku di pusat penempatan banjir.

"Panduan fiqh bencana banjir ini penting bagi mengatasi sebarang kekeliruan mengenai isu-isu ibadat yang dialami oleh mangsa bencana alam seperti dalam perkara bersuci (taharah), solat, aurat, percampuran lelaki dan wanita, pengurusan jenazah, harta yang dijumpai, pelupusan ayat suci al-Quran dan banyak lagi.

"Kita juga ingin tahu sejauh manakah bencana banjir ini memberi kesan terhadap akidah mereka yang terlibat dengan bencana yang cukup dahsyat ini. Dapatan awal menunjukkan mangsa banjir menerima kejadian yang berlaku sebagai qadak dan qadar daripada ALLAH," katanya.

Menurut Dr Irwan lagi, kajian mereka turut memfokuskan isu-isu keagamaan dari sudut akidah mangsa banjir.

Antara kawasan dilawati kumpulan penyelidik Usim adalah daerah Temerloh dan Maran bermula 1 hingga 4 Januari. Selain menjalankan temu bual bersama mangsa banjir, kumpulan penyelidik menyampaikan bantuan minuman, makanan, pakaian dan khidmat kesukarelawanan kepada mangsa banjir yang ditempatkan di beberapa pusat pemindahan banjir serta memberikan nasihat kepada mangsa.



Salah seorang penyelidik Usim sedang menemu bual mangsa banjir mengenai masalah yang dihadapi mereka.